



KEMENTERIAN SUMBER ASLI  
DAN KELESTARIAN ALAM

## SIARAN MEDIA

### **NRES PERKUKUH SINERGI STRATEGIK BERSAMA KERAJAAN SABAH DALAM AGENDA KELESTARIAN ALAM DAN PENGURUSAN SUMBER ASLI**

---

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) terus memperkukuh sinergi strategik bersama Kerajaan Negeri Sabah dalam memacu agenda kelestarian alam dan pengurusan sumber asli negara. Komitmen ini dizahirkan melalui kunjungan hormat Menteri NRES, YB Datuk Seri Arthur Joseph Kurup, ke atas Ketua Menteri Sabah, YAB Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor di Menara Kinabalu pada hari ini.

Dalam pertemuan tersebut, Kerajaan Persekutuan memberikan pengiktirafan nyata terhadap usaha gigih Sabah mengekalkan kawasan perlindungan menerusi penyaluran dana *Ecological Fiscal Transfer* (EFT) berjumlah RM22.748 juta bagi fasa pertama tahun 2026. Penyaluran ini menyusuli dana tahun 2025 berjumlah RM35.69 juta, menjadikan jumlah keseluruhan yang diterima Sabah sejak tahun 2019 mencecah RM126.357 juta demi menyokong projek konservasi biodiversiti.

Kunjungan hormat ini turut memberi fokus kepada perkara di bawah kerangka Perjanjian Malaysia 1963 (MA63), termasuk pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127] yang melibatkan pemberian kuasa kawalan buangan terjadual di darat dan perairan Sabah. Selain

itu, proses penyerahan semula lot tanah Persekutuan kepada Kerajaan Negeri kini berada dalam fasa akhir untuk kelulusan Jemaah Menteri.

Menyentuh aspek kelestarian alam, beliau turut berkongsi berkenaan dua tapak tanah lembap yang penting di peringkat antarabangsa iaitu di Kinabatangan Segama serta di Kota Kinabalu iaitu Rizab Biosfera Banjaran Crocker dan yang terbaru adalah Rizab Biosfera Kinabatangan yang baru sahaja diiktiraf pada tahun 2025 yang lalu

Arthur menegaskan bahawa kestabilan kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Sabah adalah tunjang utama dalam memastikan warisan alam semula jadi kekal terpelihara demi kesejahteraan generasi masa hadapan.

**KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM**  
**9 MAC 2026**



---

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)  
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763

    nresmalaysia